

20 Mei 2004

Pegawai-pegawai seperti di Lampiran 1

Tuan/Puan,

**Penggunaan dan Penetapan Harga 'Cut-off' Berdasarkan
Kaedah Statistik Di Dalam Penilaian dan Perakuan Tender
- Penjelasan Tambahan Terhadap Kriteria Istimewa Bagi Tender
Di Bawah Paras 'Cut-Off' dan Perkara-perkara Lain Yang Berkaitan**

Surat Pekeliling mengenai Penggunaan dan Penetapan Harga 'Cut-off' yang telah diedarkan melalui surat bil.(93)dlm.JKR KPKR.020.050/03 Klt.5 bertarikh 24 Mac 2004 adalah dirujuk.

2. Berdasarkan maklum balas yang diterima, penerangan tambahan didapati perlu bagi menjelaskan lagi peraturan mengenai kriteria untuk mempertimbangkan tender-tender yang lebih rendah dari harga 'Cut-off' serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Penjelasan-penjelasan tambahan ini adalah seperti di Lampiran A.

3. Penjelasan ini diharap akan membantu pihak tuan/puan dalam membuat penilaian dan perakuan tender yang saksama.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA & CINTAILAH BAHASA KITA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHAMED BIN GADING)
Pengarah,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur

s.k:

Ketua Pengarah Kerja Raya

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya

Semua Pengarah Bekalan Air Negeri

Semua Pengarah JKR Unit Khas

Timbalan Pengarah Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah

Timbalan Pengarah Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan

Flimsi BTKK

LAMPIRAN 1

1. Ketua-Ketua Bahagian
Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan.
2. Ketua-Ketua Penolong Pengarah Ukur Bahan
JKR Negeri.
3. Ketua-Ketua Penolong Pengarah Ukur Bahan
Cawangan Ibu Pejabat JKR.
4. Penolong-Penolong Pengarah Ukur Bahan.

Surat Pekeliling Penggunaan & Penetapan 'Cut-off' Berdasarkan Kaedah Statistik

A. Penjelasan Tambahan Terhadap Kriteria Istimewa Bagi Tender Di Bawah Paras 'Cut-Off':-

1. Prestasi Kerja terdahulu dan semasa (serupa atau sebanding dari segi jenis kerja dan nilai kerja) :-
 - a. Rekod prestasi kerja cemerlang adalah bagi projek yang di siapkan dalam tempoh 5 tahun terdahulu berbanding dengan tarikh tutup tender.
 - b. Jika kerja semasa melebihi dari satu, penentuan prestasi kerja hendaklah berasaskan kerja yang berprestasi terbaik.
2. Contoh-contoh alasan khusus atau faktor-faktor tertentu yang dapat menjamin kejayaan pentender melaksanakan kerja dengan harga yang rendah yang boleh dipertimbangkan, antara lain adalah seperti berikut:
 - a. Pentender mempunyai kilang bahan-bahan utama binaan yang berkenaan seperti kilang batu-bata, kilang papan, kuari, kilang 'ready mix' dan lain-lain.
 - b. Pentender sedang menjalankan kerja sebanding di kawasan bersebelahan atau berhampiran di mana penjimatan kos kerja-kerja 'preliminaries', penggunaan peralatan dan sumber-sumber lain dapat diperolehi.
 - c. Pentender mempunyai peranca, kerja bentuk ('formwork'), stok dari projek-projek lain yang baru disiapkan atau hampir siap.
 - d. Bagi projek jalan dan kerja tanah, pentender mempunyai banyak loji dan peralatan sendiri yang sedia ada untuk digunakan.
 - e. Pentender telah menyiapkan dengan memuaskan sekurang-kurangnya tiga (3) projek serupa/sebanding dari segi jenis dan nilai kerja yang terakhir berturut-turut sebelum memasuki tender ini.
3. 'Kualiti kerja terdahulu dan semasa adalah baik' adalah merujuk kepada projek berprestasi cemerlang dan memuaskan (sama ada terdahulu atau semasa) yang dapat dipastikan dan tidak terdapat laporan yang kurang memuaskan terhadap kualiti kerja pentender bagi projek-projek yang lain.

4. Harga Kerja Pembina pentender hendaklah tidak 'freak' atau tidak lebih rendah daripada (-) 25% berbanding dengan Harga Pembina Anggaran Jabatan.
5. Bagi penilaian projek kecil dan sederhana, pengiraan yang mengambilkira Faktor Rendahan Harga (FRH) hendaklah dibuat terhadap kecukupan modal minima.
6. Terdapat kesilapan di dalam Jadual FRH di Lampiran B dalam Surat Pekeliling berkenaan. FRH yang sepatutnya adalah seperti di Lampiran B1 yang disertakan.
7. Jika lebih dari satu pentender yang menawarkan tender yang lebih rendah dari 'Harga Cut-off' serta mempunyai kriteria istimewa, keutamaan perakuan adalah kepada pentender yang mempunyai modal/markah keupayaan keseluruhan yang lebih tinggi setelah mengambilkira FRH.

B. Status Harga Tender

1. Bagi tender yang dikecualikan dari penggunaan 'cut-off' berdasarkan kaedah statistik, harga 'cut-off' hendaklah ditentukan berdasarkan perbandingan dengan Anggaran Jabatan dengan status berikut:-

	Peratusan perbezaan di antara Harga Kerja Pembina Pentender dengan Harga Pembina Anggaran Jabatan	Status Perbezaan
a)	Lebih rendah daripada (-) 25%	Sangat Rendah
b)	(-) 25% hingga (-) 18%	Rendah (rendah dari Harga 'Cut-Off')
c)	Lebih tinggi daripada (-) 18%	Munasabah (melebihi Harga 'Cut-Off')

Pentender berstatus sangat rendah tidak layak diperakukan dan pentender berstatus rendah boleh dipertimbangkan jika mempunyai kriteria istimewa sebagaimana yang ditetapkan berdasarkan peraturan semasa.

2. Bagi penilaian tender yang menggunakan Harga 'Cut-Off' berdasarkan kaedah statistik, penentuan status Harga Tender berbanding dengan Anggaran Jabatan tidak perlu dibuat. Namun

begitu Anggaran Jabatan masih digunapakai bagi menentukan pengiraan terhadap modal minimum, Nilai Tahunan Projek dan Penentuan Anggaran Keperluan Minimum (AKM) bagi kakitangan dan loji.

C. Pindaan Kepada Borang-borang Penilaian Tender

Selaras dengan pengeluaran SP KPKR 'cut-off', Panduan bagi Pelarasan dan Kadar Harga bertarikh 17 Disember 2003, Penetapan Tempoh Siap Maksimum bertarikh 4 Januari 2002, serta penjelasan tambahan seperti di atas, beberapa borang-borang penilaian tender perlu dikaji semula. Secara ringkasnya, pindaan yang telah dibuat kepada borang-borang yang terlibat adalah seperti berikut:

1. **Projek Kecil**

a. Borang 1 – Analisa Kesempurnaan Tender

Penambahan ruang yang mengambilkira sama ada tempoh siap melebihi tempoh siap kerja maksimum atau tidak.

b. Borang 5 – Jadual Keputusan Penilaian Peringkat Pertama Tender-tender

Penambahan ruang mengenai persetujuan pentender dengan peratusan pengagihan harga/kadar harga.

c. Borang 8 – Penilaian Modal Minima Pentender Setelah Mengambilkira Kesan Rendahan Harga Tender

Membuat penilaian terhadap keupayaan biayawan pentender yang menawarkan harga lebih rendah dari harga 'cut-off', berdasarkan modal minima pentender setelah mengambilkira kesan rendahan harga tender.

d. Borang 9 – Senarai Pentender Yang Lulus Penilaian Peringkat Kedua Setelah Mengambilkira FRH Mengikut Turutan Modal Yang Lebih Tinggi

Menyenaraikan semula pentender yang lulus penilaian di Borang 8 mengikut turutan modal yang lebih tinggi.

2. **Projek Sederhana**

a. Borang 1 – Analisa Kesempurnaan Tender

Penambahan ruang yang mengambilkira sama ada tempoh siap melebihi tempoh siap kerja maksimum atau tidak.

b. Borang 5 – Jadual Keputusan Penilaian Peringkat Pertama Tender-tender

Penambahan ruang mengenai persetujuan pentender dengan peratusan pengagihan harga/kadar harga.

c. Borang 9 – Penilaian Modal Minima Pentender Setelah Mengambilkira Kesan Rendahan Harga Tender

Membuat penilaian terhadap kemampuan biayawan pentender yang menawarkan harga lebih rendah dari harga 'cut-off', berdasarkan modal minima pentender setelah mengambilkira kesan rendahan harga tender.

d. Borang 10 – Senarai Pentender Yang Lulus Penilaian Peringkat Kedua Setelah Mengambilkira FRH Mengikut Turutan Modal Yang Lebih Tinggi

Menyenaraikan semula pentender yang lulus penilaian di Borang 9 mengikut turutan modal yang lebih tinggi.

3. **Projek Besar**

a. Borang 1 – Analisa Kesempurnaan Tender

Penambahan ruang yang mengambilkira sama ada tempoh siap melebihi tempoh siap kerja maksimum atau tidak.

b. Borang 5 – Jadual Keputusan Penilaian Peringkat Pertama Tender-tender

Penambahan ruang mengenai persetujuan pentender dengan peratusan pengagihan harga/kadar harga.

c. Borang 14 – Penilaian Kemampuan Biayawan Pentender Setelah Mengambilkira Kesan Rendahan Harga

Membuat penilaian terhadap kemampuan biayawan dan teknikal pentender yang menawarkan harga lebih rendah dari harga 'cut-off', setelah mengambilkira kesan rendahan harga tender.

d. Borang 15 – Senarai Pentender yang Lulus Penilaian Setelah Mengambil kira FRH Mengikut Turutan Markah Yang Lebih Tinggi

Menyenaraikan semula pentender yang lulus penilaian di Borang 14 mengikut turutan yang lebih tinggi.

D. Maklumat Tambahan Yang Diperlukan oleh Urusetia Tender

Memandangkan bahawa persetujuan pentender ke atas perkiraan peratus agihan harga bagi tujuan pelarasan harga dan kadar harga dalam harga tender diperlukan bagi tujuan penilaian tender, pejabat yang menyediakan laporan penilaian tender perlu mengemukakan kepada pihak Urusetia Tender dokumen-dokumen berikut:

1. Satu salinan surat Jabatan kepada pentender yang mengandungi butiran-butiran penetapan pengagihan harga.
2. Satu salinan surat jawapan (sama ada bersetuju ataupun tidak) daripada semua pentender-pentender yang berkaitan.

JADUAL FAKTOR RENDAHAN HARGA (FRH)

Berasaskan Formula: $(R^{*6-1}) * R / (R-1) / 6$, Di mana $R = (1-L\%)$, $L =$ Rendahan Harga di bawah Harga "Cut-off"
 Atau $R =$ Nisbah Harga Pembina Pentender / Harga Pembina "Cut-off"

-L%	0.00%	-0.10%	-0.20%	-0.30%	-0.40%	-0.50%	-0.60%	-0.70%	-0.80%	-0.90%
0%	1.0000	0.9965	0.9930	0.9896	0.9861	0.9826	0.9792	0.9758	0.9724	0.9690
-1%	0.9656	0.9622	0.9588	0.9555	0.9521	0.9488	0.9455	0.9422	0.9389	0.9356
-2%	0.9323	0.9290	0.9258	0.9225	0.9193	0.9161	0.9128	0.9096	0.9064	0.9033
-3%	0.9001	0.8969	0.8938	0.8906	0.8875	0.8844	0.8813	0.8782	0.8751	0.8720
-4%	0.8690	0.8659	0.8629	0.8598	0.8568	0.8538	0.8508	0.8478	0.8448	0.8418
-5%	0.8389	0.8359	0.8330	0.8300	0.8271	0.8242	0.8213	0.8184	0.8155	0.8126
-6%	0.8098	0.8069	0.8041	0.8012	0.7984	0.7956	0.7928	0.7900	0.7872	0.7844
-7%	0.7817	0.7789	0.7762	0.7734	0.7707	0.7680	0.7652	0.7625	0.7598	0.7572
-8%	0.7545	0.7518	0.7492	0.7465	0.7439	0.7412	0.7386	0.7360	0.7334	0.7308
-9%	0.7282	0.7256	0.7231	0.7205	0.7180	0.7154	0.7129	0.7104	0.7078	0.7053
-10%	0.7028	0.7003	0.6979	0.6954	0.6929	0.6905	0.6880	0.6856	0.6832	0.6807
-11%	0.6783	0.6759	0.6735	0.6711	0.6687	0.6664	0.6640	0.6616	0.6593	0.6570
-12%	0.6546	0.6523	0.6500	0.6477	0.6454	0.6431	0.6408	0.6385	0.6362	0.6340
-13%	0.6317	0.6295	0.6272	0.6250	0.6228	0.6206	0.6184	0.6162	0.6140	0.6118
-14%	0.6096	0.6074	0.6053	0.6031	0.6010	0.5988	0.5967	0.5946	0.5925	0.5904
-15%	0.5882	0.5862	0.5841	0.5820	0.5799	0.5778	0.5758	0.5737	0.5717	0.5696
-16%	0.5676	0.5656	0.5636	0.5616	0.5596	0.5576	0.5556	0.5536	0.5516	0.5496
-17%	0.5477	0.5457	0.5438	0.5418	0.5399	0.5380	0.5361	0.5341	0.5322	0.5303
-18%	0.5284	0.5266	0.5247	0.5228	0.5209	0.5191	0.5172	0.5154	0.5135	0.5117
-19%	0.5099	0.5080	0.5062	0.5044	0.5026	0.5008	0.4990	0.4972	0.4954	0.4937
-20%	0.4919	0.4901	0.4884	0.4866	0.4849	0.4832	0.4814	0.4797	0.4780	0.4763
-21%	0.4746	0.4729	0.4712	0.4695	0.4678	0.4661	0.4645	0.4628	0.4611	0.4595
-22%	0.4578	0.4562	0.4546	0.4529	0.4513	0.4497	0.4481	0.4465	0.4449	0.4433
-23%	0.4417	0.4401	0.4385	0.4369	0.4354	0.4338	0.4323	0.4307	0.4292	0.4276
-24%	0.4261	0.4245	0.4230	0.4215	0.4200	0.4185	0.4170	0.4155	0.4140	0.4125
-25%	0.4110	0.4095	0.4081	0.4066	0.4051	0.4037	0.4022	0.4008	0.3993	0.3979

Contoh pengiraan berasaskan nilai R:

Harga Pembina "Cut-off": \$ 10,000,000.00
 Harga Pembina Pentender: \$ 9,000,000.00
 Maka $R = 9000000 / 10000000 = 0.9$ Atau $L = 10\%$
 Faktor Rendahan Harga (FRH) = $(0.9^{*6} - 1) * 0.9 / (0.9 - 1) / 6 = 0.7028$

Borang-borang Bagi Projek Kecil

ANALISA KESEMPURNAAN TENDER

TENDER UNTUK:							
Kriteria Kesempurnaan Tender							
Ruj. Pentender	Borang Tender Ditandatangani	Penandatanganan Diberi Kuasa	Harga Tender Dicatat di Borang Tender?	Pendaftaran Masih sah ?	Mengembalikan Kesemua Dokumen Asas Tender?	Tempoh Tidak Melebihi Tempoh Siap Kerja Maksima?	Keputusan

Legend: T.S. - Tidak Sempurna X - Tidak / - Sempurna/Ya

JADUAL KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

Tender untuk						
Ruj. Tender	Kesempurnaan Tender	Kecukupan Dokumen Wajib	Modal Minimum	Prestasi Kerja Semasa	Persetujuan % Agihan Harga	Keputusan

Catatan: X = Tiada Sempurna/Tidak Setuju / = Sempurna/setuju /* Tiada Borang GA T.K.S. = Tiada Kerja Semasa

**PENILAIAN MODAL MINIMA PENTENDER SETELAH MENGAMBILKIRA
KESAN RENDAHAN HARGA TENDER**

Tender untuk:					
No. Ruj. Tender (a)	Modal Minima (diambil dari Borang 3) (b)	% Rendahan Harga (c)	Faktor Rendahan Harga (d)	Modal Minima Setelah KRHT (e = b x d)	Keputusan (Lulus/Cagal)

BORANG 9

**SENARAI PENTENDER YANG LULUS PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
SETELAH MENGAMBILKIRA FRH MENGIKUT TURUTAN MODAL YANG LEBIH TINGGI**

No. Turutan	Ruj. Pentender	Harga Tender Asal	Nilai Modal Minima Setelah Mengambil Kira FRH

Borang-borang Bagi Projek Sederhana

ANALISA KESEMPURNAAN TENDER

TENDER UNTUK:							
Ruj. Pentender	Kriteria Kesempurnaan Tender						
	Borang Tender Ditandatangani	Penandatanganan Diberi Kuasa	Harga Tender Dicatat di Borang Tender?	Pendaftaran Masih sah ?	Mengembalikan Kesemua Dokumen Asas Tender?	Tempoh Tidak Melebihi Tempoh Siap Kerja Maksima?	Keputusan

Legend: T.S. - Tidak Sempurna X - Tidak / - sempurna/Ya

JADUAL KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

Tender untuk						
Ruj. Tender	Kesempurnaan Tender	Kecukupan Dokumen Wajib	Modal Minimum	Prestasi Kerja Semasa	Persetujuan % Agihan Harga	Keputusan

catatan: X = Tiada Sempurna/Tidak Setuju / = Sempurna/setuju / * Tiada Borang GA T.K.S. = Tiada Kerja Semasa

**PENILAIAN MODAL MINIMA PENTENDER SETELAH MENGAMBILKIRA
KESAN RENDAHAN HARGA TENDER**

Tender untuk:					
No. Ruj. Tender (a)	Modal Minima (diambil dari Borang 3) (b)	% Rendahan Harga (c)	Faktor Rendahan Harga (d)	Modal Minima Setelah KRHT (e = b x d)	Keputusan (Lulus/Cagal)

BORANG 10

**SENARAI PENTENDER YANG LULUS PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
SETELAH MENGAMBILKIRA FRH MENGIKUT TURUTAN MODAL YANG LEBIH TINGGI**

No. Turutan	Ruj. Pentender	Harga Tender Asal	Nilai Modal Minima Setelah Mengambil kira FRH

Borang-borang Bagi Projek Besar

ANALISA KESEMPURNAAN TENDER

TENDER UNTUK:							
Ruj. Pentender	Kriteria Kesempurnaan Tender						
	Borang Tender Ditandatangani	Penandatangan Diberi Kuasa	Harga Tender Dicatat di Borang Tender?	Pendaftaran Masih sah ?	Mengembalikan Kesemua Dokumen Asas Tender?	Tempoh Tidak Melebihi Tempoh Siap Kerja Maksima?	Keputusan

Legend: T.S. - Tidak sempurna X - Tidak / - sempurna/Ya

JADUAL KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

Tender untuk						
Ruj. Tender	Kesempurnaan Tender	Kecukupan Dokumen Wajib	Modal Minimum	Prestasi Kerja Semasa	Persetujuan % Agihan Harga	Keputusan

Catatan: X = Tiada Sempurna/Tidak Setuju / = Sempurna/Setuju /* Tiada Borang CA T.K.S. = Tiada Kerja Semasa

**SENARAI PENTENDER YANG LULUS PENILAIAN SETELAH MENGAMBILKIRA FRH
MENGIKUT TURUTAN MARKAH YANG LEBIH TINGGI**

No. Turutan	Ruj. Pentender	Harga Tender Asai	Markah Keseluruhan Setelah Mengambilkira FRH.